

Maritim Tawau lupus dadah RM1.5 juta

Pelupusan dadah jenis syabu itu dilaksanakan selepas menerima perintah rasmi mahkamah untuk dilucut hak

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tawau melaksanakan proses pelupusan dadah seberat 31 kilogram bernilai lebih RM1.5 juta, Selasa lepas.

Pengarah Zon Maritim Tawau, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, proses pelupusan itu dilakukan dengan kerjasama syarikat Cenviro Sdn. Bhd di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Katanya, pelupusan dadah jenis syabu atau Methamphetamine itu dilaksanakan

selepas Maritim Malaysia menerima perintah rasmi mahkamah untuk dilucut hak setelah kes berkenaan selesai dibicarakan.

“Semua dadah berkenaan adalah hasil rampasan yang dilakukan oleh unit vesel peronda Zon Maritim Tawau pada tahun 2022.

“Proses pelupusan dadah ini dijalankan dengan menggunakan kaedah pembakaran melalui Incinerator yang diuruskan sepenuhnya oleh syarikat di lantik,” katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, katanya, kaedah itu dipilih kerana ia salah satu cara yang selamat



LUPUS: Dadah jenis syabu seberat 31 kilogram yang dirampas oleh Zon Maritim Tawau berjaya dilupuskan.

dan berkesan untuk memusnahkan dadah tanpa mencemarkan alam sekitar.

Sementara itu, Shahrizan

berkata, proses pelupusan dadah ini adalah kali pertama dilakukan bersama pihak syarikat berkenaan bagi

memastikan ia dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Shahrizan menegaskan Maritim Malaysia khususnya Zon Maritim Tawau akan terus meningkatkan lagi rondaan dan penguatkuasaan di sekitar perairan daerah ini.

“Kita akan sentiasa menjalankan rondaan khususnya di lokasi titik panas (hotspot) yang disyaki menjadi lokasi kegiatan jenayah seperti penyeludupan dadah terutamanya di sempadan Malaysia-Indonesia di Tawau,” katanya.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Zon Pengurusan, Noor Harlina Mohamed; Timbalan Pengarah Zon Siasatan, Leftenan Maritim Muhd Haniff Mustafa bersama Penolong Pengurus Teknikal Jualan Cenviro Sdn. Bhd, Muhammad Lutfi Mohd Ramli dan Pengurus Keselamatan Cenviro Sdn. Bhd, Farezal Zainal.